

Jenis Genggaman Pensel Dan Prestasi Kemahiran Melakar Dikalangan Kanak-kanak Normal Dan Bermasalah Pembelajaran: Pemerhatian Awalan Instrumen CEKAP

Siti Sakinah Ab Jalil, Siti Khadijah Lokman, Asha Hasnimy Mohd Hashim, Zainal Abidin Zainuddin, Halijah Ibrahim*

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

*Corresponding author: p-halija@utm.my

Abstrak

Genggaman pensel merupakan salah satu kemahiran yang melibatkan pergerakan motor halus. Instrumen Kemahiran Asas Pergerakan (CEKAP) mengandungi dua tugas untuk mengenalpasti jenis genggaman dan menguji corak lakaran yang dihasilkan berdasarkan jenis genggaman. Kaedah melakar sebagai salah satu cara untuk keberkesanan cara genggaman subjek yang diuji. Penilaian yang dijalankan diadaptasikan daripada Instrumen Penilaian Perkembangan Genggaman Pensel Schenk dan Henderson (1990). Dalam kajian ini, penilaian dijalankan ke atas beberapa subjek yang mengalami masalah pembelajaran dan beberapa orang subjek normal. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa orang dalam kalangan subjek yang mengalami masalah pembelajaran mempunyai jenis genggaman matang dan terdapat juga subjek yang datang dalam kalangan normal mempunyai jenis genggaman yang tidak matang. Penambahbaikan item perlu dilakukan dengan menambah beberapa item ujian yang berkait dengan ergonomik penggunaan tangan semasa melakukan beberapa aktiviti perlu di masukkan supaya banyak perkara yang boleh di buat penelitian yang lebih rapi.

Kata kunci: jenis genggaman, kanak-kanak normal, kanak-kanak bermasalah pembelajaran

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan salah satu keupayaan atau kebolehan yang perlu di kuasai pada peringkat permulaan pembelajaran. Kemahiran menulis menjadi asas kepada beberapa perkara seperti menentukan corak genggaman sewaktu memegang pensel dan juga asas pergerakan yang melibatkan otot halus pada bahagian tangan yang melibatkan penulisan atau dari aspek kemahiran motor halus ia dilihat sebagai “dexterity” di mana pergerakan yang melibatkan pergerakan rutin harian seperti menggunakan sudu sewaktu makan (Brunni, 2006).

Kecekapan menulis semasa belajar adalah penting bagi setiap murid kerana ia mempengaruhi tahap keyakinan diri murid dan mampu mempengaruhi pencapaian akademik murid. Masalah menulis berkemungkinan menjadi satu halangan kepada pencapaian akademik di sekolah khususnya yang terlibat dalam Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKIBP). Pada tahun 1980-an para guru mengenalpasti murid yang mempunyai masalah melalui pembetulan huruf yang tidak sempurna dan tahap kejelasan dalam tulisan tangan murid. Murid yang mempunyai masalah menulis akan menunjukkan skor genggaman yang lebih rendah berbanding dengan murid yang tidak mempunyai masalah genggaman.

Objektif utama penguasaan asas menulis dalam kalangan kanak-kanak adalah untuk membolehkan kanak-kanak dapat menulis dengan baik terutama mereka yang sudah melibatkan diri dalam alam persekolahan. Kemahiran menulis adalah penting untuk menguji tahap kefahaman kanak-kanak sewaktu membaca balik tulisan di samping membentuk keyakinan diri kanak-kanak sewaktu belajar. Tulisan yang sukar difahami mempengaruhi tahap keinginan untuk belajar kanak-kanak kerana mereka kerana tidak mampu membaca balik tulisan mereka justeru mengekang keinginan kanak-kanak untuk mengetahui perkara yang lebih lanjut dan melambatkan penjaan idea kanak-kanak pada peringkat umur tersebut.

Kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran

Kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai mereka yang mempunyai masalah dengan kecerdasan otak yang tidak selari dengan usia sebenar. Mereka yang tergolong dalam masalah pembelajaran ini terdiri daripada mereka yang menghadapi masalah pembelajaran spesifik (*dyslexia*, *dyscalculia*, *dygraphia*), kurang

upaya intelektual, lambat, *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD), sindrom down dan lewat perkembangan global.

Meskipun mereka mempunyai masalah dengan intelektual, Kementerian Pelajaran Malaysia sama sekali tidak mengetepikan hak menuntut ilmu bagi golongan keperluan khas ini. Kurikulum Pendidikan Khas dibentuk berlainan dengan kurikulum biasa dan tidak terlalu menjurus kepada bidang akademik. Kurikulum yang dibangunkan banyak memberi penekanan terhadap aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Namun begitu, kemahiran 3M masih lagi diberi keutamaan dalam Kurikulum Pendidikan Khas iaitu membaca, menulis dan mengira. Kebiasaannya Murid yang mengalami masalah pembelajaran selalu dikaitkan dengan kurang penguasaan kemahiran 3M, sekaligus mempengaruhi pencapaian mereka dalam bidang akademik.

Kemahiran menulis merupakan salah satu cara untuk mengesan tahap penguasaan murid dalam bidang akademik. Kemahiran menulis merupakan koordinasi mata yang dikaitkan dengan intergrasi diantara motor visual dan merupakan penentu kualiti tulisan tangan (Kaiser, Albaret & Doudin, 2009). Murid yang lemah dalam koordinasi mata mendapat skor yang rendah untuk penulisan. Genggaman pensel yang lemah juga mempengaruhi kestabilan dalam penulisan.

Genggaman pensel

Genggaman pensel merupakan salah satu kemahiran yang melibatkan pergerakan motor halus. Menurut Amundson (2005) kebanyakan ahli terapi kerja menumpukan pada cara genggaman pensel oleh kanak-kanak dengan betul. Hal ini kerana pembentukan huruf dan tahap kejelasan tulisan tangan telah digunakan sebagai salah satu cara mengenalpasti murid yang bermasalah sama ada yang mengalami masalah akademik ataupun masalah berkaitan dengan intelektual.

Menurut Rosenblum, Goldstand dan Parush (2006), dalam kenyataan mereka terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua faktor ergonomik sewaktu menulis di antara penulis yang mahir dan tidak mahir terutama cara mengenggam pensel. Perkara ini dapat di kesan melalui pemerhatian ke atas murid yang tidak mahir ketika sedang membuat aktiviti menulis. Murid akan mengalami kesukaran dalam mengekalkan daya tahan semasa menulis dan mudah kehilangan fokus semasa menulis dan ia disokong oleh Abdul Rasid (2011). Beliau menyatakan terdapat ketidakcekapan pada koordinasi mata dan tangan semasa menulis bagi mereka yang tidak mahir dan kebiasaannya mereka tidak mempunyai koordinasi mata dan tangan yang tidak selari kerana mereka tidak melihat kertas sewaktu menulis.

Kebiasaannya murid yang mengalami masalah pembelajaran jarang sekali di ajar cara memegang alat tulis dengan betul terutama pensil. Menurut Yusof dan Walter Alvin (2010), hasil daripada mekanisma kemahiran menulis yang kurang diberi penumpuan semasa disekolah oleh para guru, tulisan yang dihasilkan oleh murid menjadi kurang kualiti dan sukar difahami mahupun dibaca. Oleh itu, instrumen penilaian jenis-jenis genggaman pensel di kalangan kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran mahupun kanak-kanak normal perlu di jalankan ke atas mereka dengan lebih meluas untuk mengesan tahap kualiti tulisan tangan mahupun mengesan cara genggaman yang matang di kalangan kanak-kanak- melalui instrument yang dijalankan juga mampu mengesan jenis genggaman yang biasa diguna pakai oleh mereka yang mahir mahupun tidak mahir dalam menulis tangan.

KAJIAN MENGGUNAKAN INSTRUMEN CEKAP

Dalam kajian yang dijalankan, instrumen CEKAP menggunakan kaedah melakar sebagai salah satu cara untuk mengesan cara genggaman subjek yang diuji. Penilaian yang dijalankan diadaptasikan daripada Instrumen Penilaian Perkembangan Genggaman Pensel Schenk dan Henderson (1990). Dalam kajian ini, penilaian dijalankan ke atas beberapa subjek yang mengalami masalah pembelajaran dan beberapa orang subjek normal. Berdasarkan instrumen yang telah dicipta dan diguna pakai dan instrumen yang telah dibangunkan oleh Scheck dan Henderson pada tahun (1990) berikut merupakan penerangan mengenai jenis-jenis genggaman yang tipikal yang boleh digunakan sebagai rujukan:

- a) Genggaman jari silang tapak tangan
- b) Genggaman supinate tapak tangan
- c) Genggaman pronasi digital satu jari diektensi
- d) Genggaman lurus
- e) Genggaman dengan jari diektensi
- f) Genggaman ibu jari menyilang
- g) Genggaman tripod statik
- h) Genggaman empat jari
- i) Genggaman tripod lateral
- j) Genggaman tripod dinamik

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dalam ujian kemahiran melakar dalam instrumen CEKAP terdapat beberapa penilaian yang diambil kira. Instrumen CEKAP menekankan beberapa kriteria yang perlu di analisis secara kualitatif. Penguji perlu memerhati pergerakan tangan sewaktu subjek yang diuji menjalankan aktiviti. Masa juga direkodkan untuk melihat tempoh masa yang diperlukan bagi subjek dalam menghabiskan tugas yang diberikan. Terdapat dua tugas yang melibatkan kemahiran melakar.

Untuk ujian yang dijalankan ke atas subjek yang normal seramai Sembilan orang daripada 20 orang subjek mempunyai postur genggam tangan matang manakala selebihnya tidak matang. Begitu juga dengan subjek yang mengalami masalah normal di mana tujuh orang daripada 24 orang subjek memiliki postur genggam tangan matang dan yang selebihnya tidak matang. Hasil dapatan ini menunjukkan masalah pembelajaran yang dialami oleh subjek tidak mempengaruhi cara mengenggam terutama pensil. Hal ini menunjukkan jenis genggam tangan tidak melambangkan tahap intelektual seseorang. Genggam tangan pensil matang tidak semestinya dikuasai oleh mereka yang normal sahaja malah mereka yang mempunyai masalah intelektual juga memiliki jenis genggam tangan matang.

Namun begitu, genggam tangan Schneek & Henderson (1990) dibangunkan adalah berdasarkan kepada urutan perkembangan genggam tangan pensil kanak-kanak. Ini bermaksud, cara genggam tangan yang dipamerkan oleh subjek adalah mengikut tahap perkembangan individu itu sendiri. Menurut Payne & Isaacs (2008), perkembangan motor berlaku sepanjang hayat namun proses perkembangan yang berlaku pada setiap individu adalah berbeza.

Berdasarkan pemerhatian awal penyelidik terhadap ujian kemahiran melakar yang telah dijalankan ini. Subjek didapati mendapat skor yang lebih tinggi pada tugas dua. Meskipun tugas yang dijalankan berbeza namun pemberian skor adalah berdasarkan kriteria yang sama. Untuk itu beberapa siri penambahbaikan perlu dijalankan terhadap ujian ini untuk menguji atau mengesan tahap genggam tangan seseorang. Hal ini kerana dalam instrumen CEKAP objektif utama penubuhan ujian ini adalah untuk menilai kesan cara genggam tangan terhadap pergerakan tangan sama ada sewaktu menulis, melakar dan beberapa aktiviti lain yang melibatkan pergerakan tangan dan jari.

Untuk itu, beberapa ujian perlu ditambah dalam mendapat hasil kajian yang lebih efisien. Hal ini kerana kemahiran melakar berbeza dengan kemahiran menulis, untuk mengaitkan keputusan kemahiran melakar terhadap bentuk tulisan tangan sama ada cantik atau buruk tidak boleh diguna pakai. Beberapa ujian yang berkaitan dengan ergonomik penggunaan tangan semasa melakukan beberapa aktiviti perlu dimasukkan supaya banyak perkara yang boleh dibuat penelitian yang lebih rapi.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 1-12.
- Amundson, S. J. C. (2005). *Prewriting and handwriting skills*, Missouri: Elsevier Mosby.
- Bruni, Maryanne (2006). *Fine Motor Skills in Children with Down Syndrome: A Guide of Parents and Professionals*. Bethesda: University of America.
- Kaiser, M. L., Albaret, J.M, Doudin, P.A (2009). Relationship between Visual-Motor Integration, Eye-Hand Coordination, and Quality of Handwriting. *Journal of Occupational Therapy, Schools, & Early Intervention* 2: 87-95.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia: 14.
- Payne V.G., & Isaacs D. L., (2008). *Human Motor Development: A Lifespan Approach*. 7th ed. New York: Mc Graw Hill.
- Rosenblum, S., Goldstand, S., Parush, S. (2006). Relationships Among Biomechanical Ergonomic Factors, Handwriting Product Quality, Handwriting Efficiency, and Computerized Handwriting Process Measures in Children with and without Handwriting Difficulties. *The American Journal of Occupational Therapy* 60(1): 28-39.
- Yusop, B. H. M., & Walter Alvin, J. (2010). Disgrafia dan cara membantu: kajian kes ke atas murid program integrasi pendidikan khas. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL*(4): 1-22